



AZMAIDI ABIDIN / BERITA HARIAN

PENGHARGAAN: Dr Daing Mohd Nasir (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Mohamed Said pada majlis Penyerahan Tugas Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang di Kuantan, kelmarin.

## Kampus induk UMP di Pekan jangka beroperasi penuh 2015

**K**UANTAN: Kampus induk Universiti Malaysia Pahang (UMP) di kawasan seluas 256 hektar di Kuala Pahang, Pekan dijangka mampu beroperasi sepenuhnya pada 2015, apabila semua empat fasa pembangunannya siap dilaksanakan kelak.

Bagaimanapun, pada Julai tahun depan, dua fakulti iaitu Fakulti Elektronik dan Elektrikal serta Fakulti Mekanikal membabitkan kira-kira 2,000 pelajar menjadi kumpulan pertama berpindah ke kampus induk terbabit.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim, berkata setakat ini pihaknya sedang berusaha untuk memastikan infrastruktur lengkap terutama kemudahan penginapan dan pengangkutan kepada pelajar terbabit

disediakan terlebih dulu, bagi memastikan pembelajaran mereka tidak terjejas.

Beliau berkata, UMP juga akan membuka tiga lagi fakulti baru iaitu Kejuruteraan Marin, Teknologi Kreatif dan Kejuruteraan Bangunan pada 2010 dalam usaha mengembangkan lagi program akademiknya.

Katanya, pembukaan tiga fakulti baru itu akan menjadikan keseluruhan 10 fakulti yang ditawarkan UMP dengan 25 program peringkat ijazah sarjana muda.

"Pada masa ini, pembangunan pembinaan kampus induk UMP di Kuala Pahang, Pekan berjalan lancar walaupun berlaku sedikit kelewatan akibat kegawatan ekonomi sebelum ini.

"Pada Julai tahun depan, kumpulan pertama kira-kira 2,000 pelajar dari dua

fakulti akan berpindah ke sana apabila semua kemudahan disiapkan dan pada 2015, kampus induk UMP dijangka dapat beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah universiti lengkap," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan tugas Naib Canselor UMP kepadanya oleh mantan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof Dr Sabarudin Mohd.

Dr Daing Mohd Nasir, 53, yang juga bekas Pengarah Pusat Pengurusan Termaju, Universiti Sains Malaysia (USM), dilantik menjadi Naib Canselor UMP berkuat kuasa 16 Mei lalu.